



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK)
LABOUR FORCE SURVEY (LFS)

2023



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) TAHUNAN AKAN DIADAKAN PADA OKTOBER 2023

Tarikh: 7 Oktober 2023

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan **Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023** bermula 16 Oktober hingga 12 November 2023.
2. Tujuan KTK 2023 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar tenaga kerja.
3. Majlis Mengangkat Sumpah bagi Pegawai-Pegawai Kajian Tenaga Kerja 2023 telah diadakan bagi menandakan bermulanya Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 yang melibatkan 80 orang pegawai kajian yang dilantik telah diadakan. Majlis tersebut diadakan bertempat di Dewan Kyoto, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.
4. Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Ketua Pengarah JPES telah memaklumkan bahawa KTK 2023 akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih sahaja di seluruh negara. Bagi memudahkan proses temuduga ianya akan dilaksanakan menggunakan kaedah *Computer Assisted Personal Interview (CAPI)*, di mana pegawai kajian menggunakan *tablet* bagi menjalankan temuduga bersemuka dengan keluarga terpilih.

5. Ketua isirumah yang terpilih dipohonkan untuk memberikan sokongan kerjasama menyediakan awal maklumat yang diperlukan bagi melancarkan proses temuduga seperti nombor kad pengenalan setiap ahli isirumah serta maklumat lain termasuk pendidikan, pekerjaan dan sebagainya.
6. Keluarga terpilih adalah dinasihatkan supaya memastikan pegawai-pegawai kajian menemuduga adalah pegawai yang dilantik oleh JPES melalui pas kajian rasmi, surat lantikan dan kad pengenalan mereka serta *vest* rasmi JPES.
7. Hasil yang diperolehi melalui KTK 2023 adalah sumber maklumat yang penting bagi kegunaan perancangan sosio-ekonomi negara, akademia, penyelidik, penuntut dan orang ramai bagi keperluan dan kegunaan masing-masing. Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.
8. KTK 2023 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isirumah terpilih yang mengambil bahagian dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja. Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.00.
9. Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2023 ini bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Telefon	:	7469844 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	deps.mofe.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

ANNUAL LABOUR FORCE SURVEY (LFS) TO BEGIN IN OCTOBER 2023

Date: 7 October 2023

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy will be conducting **the Labour Force Survey (LFS) 2023** starting from 16 October to 12 November 2023.*
2. *The purpose of LFS 2023 is to collect latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used as input for planning, research, policy-making related to the labour force.*
3. *An Oath-Taking Ceremony for Survey Officers of Labour Force Survey (LFS) 2023 was held to kick start the work of LFS 2023, involving 80 appointed survey officers. The ceremony was held at the Dewan Kyoto, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Present to witness the ceremony was the Acting Director General of DEPS, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.*
4. *In the ceremony, the Acting General Director of DEPS informed that LFS 2023 will involve about 3,200 households throughout the country. To facilitate the interview process, it will be conducted using the Computer Assisted Personal Interview (CAPI) approach whereby the survey officers will be using tablets during the face-to-face interview of selected households.*

5. *The heads of the selected households are required to cooperate in preparing the information needed in advance to facilitate the interview such as the identity card number of each household member as well as other personal information including education and employment.*
6. *Selected households are advised to ensure that the survey officers conducting the interviews are officially appointed by JPES through authorised survey passes, appointment letters, identity cards and JPES official vest.*
7. *Results from the LFS 2023 will provide important information for national socio-economic planning, academia, researchers, students and the public for their respective needs and purposes. Hence, the support and co-operation from all selected households in providing correct and complete information are essential for the success of the survey.*
8. *LFS 2023 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. Information from selected participating households collected during the survey will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only. In pursuant to Section 9 of the Statistics Act, failure or reluctance to give the required information or furnishing false particulars is an offence which carries a penalty of a fine of BND4,000.00.*
9. *For any enquiries regarding the LFS 2023, please refer to JPES as follows:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>7469844 (working hours)</i>
<i>Email</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>deps.mofe.gov.bn</i>